

Mahathir: Kenaikan elaun ditimbang

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan akan menimbang menaikkan elaun khidmat awam bagi para pekerja di bawah Tingkatan Tertinggi daripada memberi elaun perumahan.

Bagaimanapun, pertimbangan itu akan hanya dibuat setelah keadaan ekonomi negara bertambah baik, Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Bellau menegaskan, elaun khidmat awam akan mengambilkira tiga keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan perumahan.

Berdasarkan kepada konsep inilah, jelasnya, Kerajaan sedia menimbang faktor perumahan yang dituntut oleh Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam (CUEPACS) bagi para pekerja di bawah Tingkatan Tertinggi 'G'.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas menemui para pemimpin CUEPACS di pejabatnya di sini.

Pada masa ini, pegawai Kerajaan dalam Tingkatan Tertinggi 'G' dan ke atas mendapat elaun perumahan \$350 hingga \$2,500 sebulan. Mereka tidak diberi elaun khidmat awam.

Para pekerja di bawah tingkatan ini pula menerima elaun khidmat awam sebanyak \$35 hingga \$250 sebulan bergantung kepada kumpulan masing-masing.

CUEPACS menuntut para pekerja kategori ini juga dibayar elaun perumahan sebanyak \$75 hingga \$250.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau bersimpati dengan para pekerja Kerajaan terutama mereka yang berpendapatan rendah dan akan menimbang kes mereka apabila keadaan ekonomi bertambah baik.

Presiden CUEPACS, Encik T. Narendran berkata, perbincangan selama dua jam dengan Perdana Menteri itu diadakan secara terperinci.

Bagaimanapun, keadaan ekonomi sekarang tidak membolehkan sebarang keputusan dicapai.

Ditanya sama ada CUEPACS akan mendesak supaya elaun perumahan bagi para pegawai Tingkatan Tertinggi di potong, Encik Narendran berkata:

"Kami tidak menyokong prinsip pemotongan elaun." katanya, elaun ini telah ditetapkan berdasarkan kepada beberapa faktor yang wajar.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2954

No. Penerimaan 699/85